



PJ S.E.E.D
Petaling Jaya Social, Environment, Economy, Development

PANDUAN PERMOHONAN GERAN KOMUNITI UNTUK PETALING JAYA MAMPAN 7.0 **(COMMUNITY GRANT FOR PJ SUSTAINABILITY) TAHUN 2025**

1.0 TUJUAN

Panduan ini bertujuan membantu pemohon mengemukakan permohonan bagi Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan (*Community Grant for PJ Sustainability*). Panduan ini merangkumi perkara berikut: -

1. Pengenalan
2. Nama dan Bidang Berkaitan
3. Kelayakan dan Kriteria permohonan
4. Kriteria Penilaian
5. Urusetia Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan

2.0 PENGENALAN

Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan (*Community Grant For Petaling Jaya Sustainability*) ataupun juga dikenali sebagai PJ SEED telah diperkenalkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2019. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah meluluskan sebanyak **153 projek** dengan peruntukan berjumlah **RM2.70 juta** telah diberikan kepada organisasi terpilih dan layak sejak geran tersebut diperkenalkan.

Di bawah Bajet 2025 MBPJ, sebanyak RM 700,000 telah diperuntukkan untuk diberikan kepada organisasi masyarakat bagi menjalani projek/inisiatif kemasyarakatan mengikut pilihan dan cadangan mereka. Tujuan Geran adalah untuk menjemput organisasi di peringkat masyarakat untuk merancang dan melaksanakan projek/inisiatif yang akan membantu MBPJ meningkatkan prestasi dalam **10 bidang berkaitan (thematic)** yang telah ditetapkan. MBPJ turut menetapkan geran yang diberikan mirip kepada projek/inisiatif berbentuk ***CEPA (communication, education and public awareness), perkhidmatan, kajian dan penyelidikan, jaringan (networking) dan infrastruktur atau kemudahan dalam proposi yang kecil***. Memandangkan Geran sedemikian merupakan julung kali diadakan oleh mana-mana PBT, panduan untuk memudahkan proses permohonan Geran disediakan.

3.0 NAMA GERAN

Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan (*Community Grant for PJ Sustainability*)
ataupun ringkasan **PJ S.E.E.D. 7.0** - S.E.E.D bererti Social, Environment, Economy Development

4.0 BIDANG BERKAITAN (THEMATIC)

Bidang Berkaitan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut: -

4.1 **LOW CARBON CITY**

- i. Perancangan gunatanah efisien melalui kaedah „mixed development“ dan TOD
- ii. Pengangkutan awam lebih efisien dan pengangkutan berteknologi hijau
- iii. Penggunaan tenaga yang efisien dan konsep „green building“; „green technology“
- iv. Penghijauan bandar dan penanaman pokok yang dapat menyediakan oksigen dan menyerap karbon
- v. Transisi daripada konsep „city management“ kepada „city governance“
- vi. Komuniti rendah karbon melalui sebaran maklumat yang telus dan proses penyertaan di pelbagai „stakeholder“.

4.2 **CIRCULAR ECONOMY CITY**

Berasaskan kepada circular economy menjelang tahun 2030 selaras dengan SDG 11 dan SDG 12, Malaysia's Roadmap Towards **Zero Single-Use Plastics** 2018-2030 dan Dasar Kebersihan Negara. Bagi mencapai sasaran tersebut. 5 skop telah dikenalpasti iaitu :

- i. Sisa makanan dan organik
- ii. Sisa plastik dan pembungkusan
- iii. Sisa binaan dan penggunaan sumber bahan bina
- iv. Sisa elektronik isi rumah
- v. Menyediakan platform sharing dan digital.

Fokus termasuk program dan servis 3R, upcycling, EPR, CSR, pengasingan sisa, guna semula dan rekabentuk kitaran.

4.3 **SAFE & RESILIENT CITY**

Bandar Selamat akan meliputi 5 aspek iaitu :

- i. Gelandangan
- ii. Surveillance
- iii. Emergency management
- iv. Drugs and alcohol dan Safe environment

Fokus akan diberikan 4 aspek utama meliputi :

- i. "Health & Wellbeing"
- ii. "Economy & Society"
- iii. "Infrastructure & Ecosystems"
- iv. "Leadership & Strategy"

4.4 INCLUSIVE CITY

Petaling Jaya akan dibangunkan sebagai „Inclusive City” yang mengambilkira keperluan dan penglibatan semua golongan termasuk kanak-kanak, wanita, warga emas dan OKU serta golongan miskin di dalam perancangan pembangunan meliputi 3 spektrum iaitu :

- i. **Spatial** - perumahan dan kemudahan awam dan rekreasi - Universal Design
- ii. **Sosial** - hak dan penglibatan golongan terpinggir - proses membuat keputusan, Platform PJKita
- iii. **Ekonomi** - Peluang meningkatkan ekonomi

4.5 CHILD FRIENDLY CITY

- i. Bandaraya Mesra Kanak-Kanak
 - Meningkatkan kualiti kehidupan kanak kanak melalui pemerkasaan dan penglibatan mereka dalam membuat keputusan, pemerkasaan ekonomi, Pendidikan
- ii. Pendekatan yang digunakan adalah penubuhan „Petaling Jaya Child Councillors”; Anugerah Community Award (kategori kanak-kanak, remaja dan sekolah); PJKita i-Play Park; PJ City Food Bank: Free Breakfast for School Kids Program; PJ City Bus (Shuttle Service for School Kids), PJKita Community Library @ Kg. Lindungan; PJKita Toy Library di Apartmen Idaman dan SS3 Creative Hub; PJKita Community Centre dan PJ International Youth Leadership Camp (PJiYLC).

4.6 LEARNING CITY

Mempromosikan Pembelajaran sepanjang hayat untuk semua daripada kanak-kanak, orang dewasa dan golongan warga emas

- i. Matlamat :
 - a. Pemerkasaan individu dan perpaduan sosial
 - b. Pembangunan Ekonomi
 - c. Memperkayakan budaya
 - d. Pembangunan Mampan

- ii. Fokus utama :
 - a. Memulihkan semula pembelajaran dalam keluarga dan masyarakat
 - b. Pembelajaran inklusif dalam sistem pendidikan
 - c. Budaya belajar yang sihat sepanjang hayat
 - d. Pembelajaran yang berkesan di tempat kerja
 - e. Penggunaan teknologi pembelajaran moden secara meluas
 - f. Peningkatan kualiti dalam pembelajaran
 - g. Program sediada meliputi aspek “Arts & Culture”; “Education”; “Entrepreneurship”; “Health & Wellness”, „Environment”; „Spirituality”; “Technology” dan “Safety”.

4.7 **ECONOMICAL VIBRANT CITY**

- i. Pembangunan infrastruktur moden dan efisien
- ii. Pengangkutan awam yang lestari
- iii. Utility dan kemudahan
- iv. “Connectivity” secara digital antara pihak awam, swasta dan NGO.
- v. Pertumbuhan ekonomi
- vi. Penghasilan jenama “City’s Brand”
- vii. Fokus utama :
 - a. **‘Urban Regeneration’**
 - b. Pelaburan dari dalam dan luar Negara
 - c. Pembangunan sektor pelancongan
 - d. Membangunkan usahawan di sektor informal

4.8 **SOCIETY 5.0 CITY**

- i. Society 5.0 akan menjadikan masyarakat Petaling Jaya sebagai **‘Smart Society’** yang menggunakan teknologi digital, „big data”, „artificial intelligent (AI) dalam **menangani isu-isu di dalam komuniti.**
- ii. Pelaksanaan Society 5.0 di kalangan komuniti akan melibatkan kesemua 17 SDG, UNDP
- iii. Penganjuran Anugerah Komuniti Mampan (inisiatif low carbon, kebun komuniti, SPAH, circular economy, safe city), 17 SDG Champions, Knowledge Week, Seminar dan workshop berkaitan SDG, kelas-kelas berkaitan penggunaan teknologi dalam kehidupan di kalangan warga emas, kanak-kanak, ibu-ibu tunggal dan golongan OKU, festival kebudayaan
- iv. Program PJ SEED merupakan antara inisiatif mendokong impian Society 5.0.

4.9 SMART CITY

- i. Menjadi Bandaraya Pintar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kemajuan teknologi (IoT Solution) untuk mencapai wawasan Bandaraya Mampan dan Berdayatahan berteraskan 5 halatuju utama iaitu :
 - a. Alam Sekitar,
 - b. Habitat Berdayahuni
 - c. Ekonomi
 - d. Komuniti Mampan
 - e. Pihak Berkuasa Tempatan Berprestasi Tinggi
- ii. PJ Smart centre menjadi Pusat „Big Data” yang mengumpulkan data-data bernilai daripada mini smart centre Jabatan-Jabatan
- iii. Sebanyak 44 dashboard dibangunkan berkaitan agenda utama Majlis iaitu Inclusive City, Low Carbon City, Child Friendly City, Learning City, Economical Vibrant City, Sustainable Transportation City, Society 5.0 City, Safe And Resilient City Dan E-governance City

4.10 E-GOVERNANCE CITY

„E-Governance City” yang akan memfokus kepada :

- i. Urustadbir baik, cekap, telus, bertanggungjawab dan berintegriti
- ii. Memberi penekanan kepada penggunaan teknologi pintar dan IoT bagi mewujudkan transformasi di dalam perhubungan di antara Majlis dengan penduduk, sektor perniagaan, NGO dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Skop E-Governance adalah mengenai aliran maklumat antara Majlis dan komuniti, Majlis dan sektor perniagaan dan Majlis dengan agensi/jabatan kerajaan yang lain.

Fokus utama :

- i. Pendigitalisasian kesemua perkhidmatan dan pengurusan Majlis
- ii. Urustadbir baik
- iii. Urustadbir berteraskan libat urus
- iv. Pembangunan modal insan
- v. Mewujudkan rangkaian dengan bandar-bandar luar dan dalam negara di dalam perkongsian „best practices”
- vi. Pematuhan dasar, polisi dan undang-undang.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN PERMOHONAN

1. Hanya projek dalam bidang berkaitan (thematic) dengan tujuan membantu meningkatkan prestasi MBPJ saja layak untuk bantuan geran. Projek mestilah mempromosikan dan mencapai objektif yang disasarkan samada di peringkat komuniti ataupun Bandaraya PJ. Skop am meliputi pengurangan penggunaan sumber, masa dan tenaga serta impak negatif, penggunaan semula sumber samada dalam bentuk asal ataupun baru. Projek bolehlah dalam bentuk tindakan mengurangkan (mitigation) ataupun mencegah (adaptation) penggunaan sumber menerusi pendekatan aplikasi teknologi, rekabentuk circular dan perubahan gaya hidup dan amalan ke arah kemampanan. Contoh focus khas / projek turut digariskan dalam bidang berkaitan.
2. Projek bolehlah meliputi aktiviti CEPA (communication, education and public awareness), servis, kajian, jaringan (networking), infrastruktur bagi pelaksanaan di tapak dan pemantauan kemajuan. Bagi projek yang meliputi elemen penyediaan infrastruktur atau kelengkapan, proposi kos tidak boleh melebihi 30% daripada kos keseluruhan projek.
3. Hasil keluaran projek hendaklah aktiviti **BARU** samada melaksanakan inisiatif baru mahupun memperluaskan skop liputan aktiviti atau kawasan bagi inisiatif sediaada.
4. Permohonan bantuan geran tidak akan dipertimbangkan bagi projek sediaada ataupun bagi tujuan menampung keperluan kewangan bagi inisiatif sediaada ataupun semata-mata untuk pembiayaan kos operasi projek sediaada.
5. Projek yang menunjukkan kemampuan berdaya-saing dan keboleh-kendirian selepas bantuan geran disalurkan akan diberikan pertimbangan utama.
6. **Bantuan geran adalah untuk tempoh 1 tahun sahaja.** Lanjutan tempoh adalah berdasarkan kepada cadangan dan juga keputusan MBPJ.
7. Bantuan geran boleh digunakan untuk tujuan perbelanjaan operasi ataupun modal bagi memulakan projek. Bantuan geran tidak semestinya meliputi 100% kewangan yang diperlukan dan bagi projek sedemikian, pemohon mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan sumbangan kewangan dari sumber lain.
8. Pertimbangan juga diberikan kepada projek yang memerlukan bantuan geran ini sebagai sebahagian daripada jumlah kewangan yang diperlukan manakala kewangan lain adalah ditampung oleh pihak ketiga. Dalam hal ini, pembahagian sumbangan kewangan dan perincian bantuan geran serta tanggungjawab semua pihak terlibat hendaklah diperjelaskan.

9. Hanya Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, JKKK, JMB, MC, PIBG atau Persatuan dalam sekolah atau institusi pengajian, Jawatankuasa Tempat Ibadat ataupun badan/organisasi bukan kerajaan berdaftar serta syarikat social berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tapi untuk keuntungan masyarakat dan bukan untuk pemegang saham individu dan diperakui oleh MBPJ saja serta beralamat di PJ saja akan dipertimbangkan. Bagi organisasi di luar kawasan pentadbiran MBPJ tetapi akan menjalani projek/inisiatif dalam kawasan pentadbiran MBPJ, adalah dinasihati supaya rakan perkongsian yang layak dikenalpasti, disyorkan dan persetujuan usahasama diperolehi terlebih dahulu.
10. Bantuan geran adalah hanya untuk projek/inisiatif yang akan dijalankan di kawasan pentadbiran MBPJ saja. Pertimbangan akan diberikan bagi projek CEPA yang meliputi majoriti kawasan atau kumpulan sasaran daripada kawasan MBPJ ataupun tidak kurang daripada 80%, mana-mana satu lebih tinggi
11. Pemohon dikehendaki mengemukakan Surat Permohonan, Borang Permohonan dan Laporan Cadangan dengan kandungan berikut :

MAKLUMAT	TANDA (✓)
Butir-Butir Pemohon	
Cadangan Projek/Inisiatif (<i>Nama Projek, Thematic</i>)	
Dokumen Sokongan (<i>Bukti Dan Maklumat Pendaftaran</i>)	
Kebenaran Penggunaan Tanah/Kemudahan (<i>Jika Projek Melibatkan Penggunaan Tanah/Kemudahan Daripada Pihak Ketiga</i>)	
Surat Setuju Penyertaan Daripada Rakan Perkongsian	
Bantuan Sumbangan Daripada Pemegang Taruh Lain (<i>Jika Berkenaan</i>)	
Sokongan Ahli Majlis	
Perakuan Pemohon	

12. Bagi permohonan berbentuk kajian, masa yang diberikan adalah 1 Bulan bermula Mac hingga April 2023 untuk hantar permohonan awal bagi mengenalpasti skop kajian berkaitan dengan kesesuaian di Petaling Jaya dan juga mendapat persetujuan penyertaan di kalangan komuniti tempatan. Peruntukan Geran Maksimum RM2,000 bagi permohonan seumpama, boleh diberi pertimbangan kepada pemohon.

13. Bagi pemohon daripada **NGO/CSO** berbentuk “Limited by Guarantee” yang berdaftar dibawah CCM perlulah mengemukakan Perlembagaan Syarikat, Laporan Audit Tahunan, Senarai Ahli atau dokumen lain yang berkaitan untuk kelayakan pemohon.
14. Bantuan geran minima adalah RM 5,000 dan maksima adalah RM 50,000 bagi satu-satu projek. Pihak MBPJ berhak meluluskan apa-apa amaun geran yang diberikan selain daripada yang dipohon berdasarkan kepada penilaian teknikal dan keperluan semasa. Keputusan kelulusan projek dan amaun yang diberikan adalah muktamad. Walaubagaimanapun, amaun lebih tinggi boleh dipertimbangkan sekiranya projek /inisiatif menunjukkan merit dan impak yang positif.
15. Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani surat setuju terima dengan terma dan syarat yang ditetapkan. Surat yang dikembalikan akan menjadi sebahagian daripada perjanjian yang ditandatangani kelak, jika bersesuaian. MBPJ berhak mengambil tindakan undang-undang jika penerima geran tidak memenuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan.
16. Pemohon bersetuju membenarkan MBPJ atau pihak diberikan kebenaran oleh MBPJ untuk menghebahkan, mempromosikan ataupun menerbitkan maklumat projek/inisiatif serta pencapaiannya di mana-mana platform atau medium komunikasi. Pemohon juga bersetuju berdamping ke depan untuk berkongsi pengalaman dan pencapaian projek/inisiatif dengan mana-mana pihak atas jemputan MBPJ. Hakcipta projek atau rekaan adalah menjadi milikan tunggal MBPJ ataupun milikan bersama jika dipersetujui oleh MBPJ dan penerima geran.
17. MBPJ berhak meminda sebarang syarat, peraturan, panduan dan borang pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan awal serta meminta maklumat tambahan ataupun meminta pemohon membuat persembahan projek dan hasil projek pada masa yang ditetapkan dengan pemakluman awal.

6.0 KRITERIA PENILAIAN

1. Keutamaan akan diberikan kepada projek yang berpotensi menghasilkan impak positif kepada kawasan kejiranan dan Petaling Jaya dengan pematuhan kepada perkara berikut:-
 - a. Keboleh-capaian kejayaan yang ditetapkan
 - b. Mengurangkan risiko pencemaran ke atas alam sekitar dan perbandaran
 - c. Menjimatkan kos perbelanjaan Majlis dalam pengurusan dan pembangunan Bandar
 - d. Mengurangkan penjana sisa pepejal dan impak pencemaran ataupun karbon dioksida ataupun kedua-duanya
 - e. Memperolehi impak positif dalam jangka masa panjang ke atas pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar

2. Keutamaan akan diberikan kepada projek/inisiatif yang bertaraf perintis ataupun mempunyai kebolehan mencetuskan replikasi projek yang sama di tempat lain ataupun mampu meningkatkan skop bidang berkaitan.
3. Keutamaan juga diberikan kepada projek/inisiatif melibatkan rakan perkongsian dan penyertaan pihak berkepentingan atau pemegang taruh lain yang strategik.
4. Keutamaan juga diberikan kepada projek/inisiatif yang memudahkan pencapaian visi MBPJ ke arah *Smart Selangor, PJ Sustainability 2030, New Urban Agenda, Sustainable Development Goals, circular economy and PJ City Climate Action Plan*.
5. Pemohon hendaklah menunjukkan keupayaan mematuhi perkara berikut :
 - a. Melaksanakan projek dengan berjaya
 - b. Cara mencapai objektif projek yang telah ditetapkan
 - c. Bagaimana projek/inisiatif boleh dipantau, dinilai dan dilaporkan secara berkesan
 - d. Bagaimana projek/inisiatif boleh digunakan untuk mempromosikan bidang berkaitan kepada masyarakat lain
 - e. Bagaimana projek/inisiatif boleh diteruskan walaupun bantuan geran telah digunakan sepenuhnya
 - f. Bagaimana projek/inisiatif boleh dipasarkan, jika melibatkan soal hakcipta terpelihara dalam hasil keluaran
6. Semua permohonan bantuan geran bagi projek akan dinilai dari segi teknikal oleh panel penilai yang dilantik oleh MBPJ. Panel Penilai boleh terdiri daripada pegawai jabatan berkaitan ataupun pakar rujuk luaran. Panel akan mengesyorkan projek yang menepati keperluan teknikal serta cadangan amaun kewangan projek kepada Pengurusan MBPJ untuk pertimbangan dan kelulusan.
7. Hanya permohonan yang dikemukakan samada secara hantaran *hardcopy dan softcopy* kepada Urusetia Geran, iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 20, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan ataupun melalui softcopy ke e-mel gerankomuniti@mbpj.gov.my sahaja akan dinilai.
8. Jika pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas selepas 3 bulan, permohonan tersebut dianggap tidak berjaya.

7.0 KETERANGAN LANJUT

Untuk keterangan lanjut dan serahan borang permohonan, sila rujuk kepada urusetia geran seperti alamat berikut:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 20, Menara MBPJ,
Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.



: 03 - 7954 1440



: 03 - 7954 1579



: gerankomuniti@mbpj.gov.my